

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tindakan yang diambil bagi membanteras kegiatan penyeludupan spesis endemik oleh warga asing di negara kita agar tidak terus berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sentiasa menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh terhadap konsainan import dan eksport bagi produk keluaran pertanian di pintu masuk dan keluar negara, termasuk yang melibatkan spesis endemik.

2. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada prosedur dan syarat import/eksport yang ditetapkan oleh jabatan dan agensi dasar seperti Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perikanan (DOF), Lembaga Pemasaran Persekutuan Malaysia (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta jabatan dan agensi di luar Kementerian ini yang berkaitan.

3. Pemeriksaan terhadap spesies endemik adalah berpandukan kepada Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686]. Ini adalah satu usaha bagi mengawal kegiatan penyeludupan spesies endemik oleh warga asing di negara kita daripada berleluasa dan menjejaskan khazanah negara.

4. Mana-mana syarikat, ejen atau individu yang ingin mengeksport atau membawa keluar produk hasil pertanian termasuk biji benih, perlulah mendapatkan permit eksport yang dikeluarkan oleh MAQIS dan Sijil Fitosanitasi daripada DOA (bagi negara yang memerlukan Sijil Fitosanitasi). Syarat pengeksportan ini tertakluk di bawah Seksyen 11(2), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

5. Selain daripada mengenakan syarat permit eksport, MAQIS turut meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dengan kerjasama bersama agensi penguatkuasaan yang lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Beberapa siri operasi bersepadu telah dijalankan secara bersama pada tahun 2019 seperti berikut:

- i. Ops Durian Burung pada April 2019
- ii. Ops Klang pada Jun 2019
- iii. Ops Tanjung Pelepas & Pasir Gudang pada Julai 2019
- iv. Ops Selatan (Batu Pahat, Kuala Linggi) pada Ogos 2019
- v. Ops Pengkalan Hulu pada September 2019

6. Selain itu, bagi membantu meningkatkan lagi keberkesanan kawalan dan pemeriksaan bagi mengurangkan risiko penyeludupan spesies endemik keluar negara, pihak MAQIS dengan kerjasama pihak Kastam dan agensi penguatkuasaan berkaitan yang lain, turut menggunakan alat pengimbas berteknologi tinggi di pos kawalan seperti di lapangan terbang antarabangsa.

Usaha yang dilaksanakan oleh MAQIS dengan kerjasama jabatan dan agensi penguatkuasaan yang lain diharapkan dapat mengawal kegiatan penyeludupan spesies endemik oleh warga asing di negara kita daripada berleluasa. Sekian, terima kasih.